

Perasaan pelik dan geram serta marah timbul apabila sesuatu yang mudah disampaikan tidak dapat diterima oleh anak muridku !!! Pada mulanya aku bingung. “Adakah selama ini aku hanya mengajar diriku sendiri?” Perasaan gelisah ditambah dengan kecewa membuat aku tidak begitu senang dengan anak muridku. Berbagai-bagai prasangka juga timbul!

Adakah semua ini menunjukkan aku belum diperbaharui oleh Roh Kudus? Manakah buah Roh Kudus yang seharusnya ada dalam diriku sebagai seorang guru Kristian? Adakah selama ini cuma dalam kata-kataku dan tidak kelihatan dalam gerak-geriku sebagai wakil Kristus ke sekolah ini?

Ya, begitulah perasaanku bila aku bersemuka dengan anak muridku yang baru menempuh suatu kejutan budaya atau mungkin lebih tepat kejutan mental dan rohani. Itulah anggapanku terhadap gelagat murid-muridku pada ketika itu.

Memang senang untuk menyukai atau rasa seronok mengajar mereka yang menunjukkan sifat-sifat positif dalam pengajaran kita. Tetapi, apa pula reaksi kita apabila berhadapan dengan sebilangan besar yang tidak mempunyai asas dalam sesuatu mata pelajaran dan bakal menghadapi peperiksaan pada penghujung tahun (SPM atau PMR)? Oh Tuhan, tolonglah daku! “Tension” betul! Apa yang harus aku lakukan? Tolong!

Justeru itu, mengajar menjadi suatu beban bagiku dan ia bukan lagi sesuatu yang menyeronokkan. Pada saat dan ketika itulah aku terjerumus dalam kancah “depression”. Banyak persoalan timbul di kepalaku dan aku mula menitiskan air mata di hadapan Tuhan.

Aku terpaksa mengakui kesalahanku di depan kelas pemulihan kerana memanggil mereka bodoh. Aku kena jelaskan kesalahanku dan meminta mereka memaafkan aku (Matius 5:22). Aku tidak harus menyalahkan murid-muridku bulat-bulat jika mereka tiada asas yang kukuh. Bukan salah mereka tidak mendapat pendedahan yang sepatutnya. Hal ini sangat sensitif.

Justeru, demi mengelakkan daripada menyalahkan mana-mana pihak, aku berusaha untuk mewujudkan suasana P & P yang baik. Aku rela menerima keadaan mereka yang seadanya. Aku mencuba mengubah situasi yang ada beransur-ansur. Setelah memahami masalah murid tidak menghantar buku latihan, aku membahagikan murid-muridku mengikut kumpulan. Mereka memilih nama

kumpulan mereka sendiri. Apabila semua ahli dalam kumpulan menghantar buku, mereka akan mendapat markah maksima - 5 markah. Sekiranya seorang daripada kumpulan tersebut tidak menghantar buku, kumpulan itu akan ditolak 1 markah dan seterusnya.

Markah-markah ini akan diberitahu dan dicatatkan di papan markah yang akan dilakukan oleh seorang pencatat markah yang dilantik. Ini sungguh berkesan! Bilangan buku latihan yang dihantar bertambah!

Dalam penulisan, ternyata masih ada murid-muridku yang lemah terutama dalam penggunaan huruf besar dan huruf kecil. Untuk ini aku mengadakan pertandingan mengeja dengan menulis perkataan di papan hitam sekali-kala. Suasana pembelajaran ini menyeronokkan dan agak hingar, bagaimanapun keadaan kelas sentiasa terkawal.

Dalam banyak kaedah yang aku gunakan, semuanya ada unsur ganjaran dan hukuman. Tidak lupa pula kerjasama dalam kumpulan, yang secara tidak langsung menyediakan mereka untuk hidup dalam masyarakat. Seandainya seorang daripada ahli kumpulan tidak memberi kerjasama, tentu sekali ahli kumpulannya akan merasa kecewa. Jadi mereka harus menjaga perasaan sesama mereka dan saling menggalakkan untuk maju. Memang adakalanya perasaan negatif timbul - itu adalah lumrah hidup (Amsal 27:17). Aku hendaklah peka dengan apa yang sedang berlaku dalam setiap kumpulan itu.

Pada setiap penghujung bulan, ganjaran akan diberi kepada 2 kumpulan yang mempunyai markah yang tertinggi. “Kata itu kota” - apa yang aku sudah janjikan kepada mereka akan aku tunaikan. Ini melibatkan wang, namun apalah yang ada pada wang ringgit jika dibandingkan dengan hasil positif yang diperolehi. Aku memastikan bahawa ganjaran ini diberikan pada setiap bulan kepada pemenang. Dengan itu setiap kumpulan berpeluang untuk menang kerana pertandingan itu diadakan sepanjang tahun.

Prinsip ganjaran ini merupakan faktor penggerak kepada murid-muridku. Ahli-ahli kumpulan tidak boleh melakukan kesalahan dan penipuan, kerana setiap gerak-geri akan diawasi oleh kumpulan lain. Bagaimanapun, peraturan dalam pertandingan ini boleh diubahsuai mengikut keperluan. Terpujanglah kepada budi bicara ku sebagai guru dan pengendali

pertandingan ini.

Sikap hormat-menghormati juga ditekankan kepada murid-muridku iaitu memberi salam hormat bila berjumpa dengan guru atau semasa masuk ke kelas. Memohon maaf sekiranya terlewat ini termasuklah diriku sendiri. Berkongsi peristiwa hidup jika diizinkan dan bila rasa perlu supaya kita saling faham-mamahami dalam suasana kelas yang harmonis.

Maklum balas secara bertulis ataupun secara dialog dengan murid-muridku membantuku untuk mempertingkatkan P & P.

Prinsip “lakukan kepada orang lain apa yang kamu mahu mereka lakukan kepada diri kamu” (Lukas 6:31) juga diterapkan dalam sanubari murid-muridku. Aku sendiri mengamalkan prinsip ini supaya apa yang kuajarkan tidak bercanggah dengan apa yang aku lakukan.

Kini, aku berasa seronok pula mengajar mereka walaupun tahap pencapaian mereka tidak begitu tinggi. Tetapi bagiku apabila ada perubahan sikap dan peningkatan yang positif, itu adalah kejayaan. Memang setiap kita ingin melihat setiap murid kita lulus tetapi harapan kita haruslah realistik. Dalam hal ini aku banyak bersabar dan berusaha dan terus berusaha serta menggalakkan murid-muridku. Kalau aku mempunyai waktu terluang, setiap muridku akan kugalakkan berbincang bersama-sama denganku.

Apabilaku imbas kembali kelas-kelas yang telah kuajar - Tuhan seperti menguji kesabaranku. Memang terbukti sebaliknya kerana sejak awal-awal lagi semasa bertugas di sekolah baru ini dengan mengajar dalam kelas pemulihan dan kelas-kelas yang lemah aku hilang sabar.....! Oh! Tuhan.....!

Syukur kepada Tuhan, sejak kebelakangan ini aku telah dapat menyesuaikan diri dengan keadaan murid dan sekolah ini. Aku rasa senang apabila murid-muridku mahu berusaha - itulah yang paling penting - walaupun ada yang masih degil! Ikutlah nasihat Alkitab - ajar mereka yang mahu diajar (Bidalan 9:7-10). Seperti cikgu Yesus yang tidak paksa mereka yang tidak mahu mendengar ajaran-Nya.

Syukur kepada Tuhan untuk keunikan pengalaman P & P semasa di Sabah. Atas rahmat dan hikmat Tuhan, aku mendapat kembali kegembiraan sebagai seorang guru Kristian. Penempatanku di 2 buah sekolah yang berlainan di negeri ini banyak memberi pengajaran kepada diriku.